

16 OCT 1997

Proton-Rasmi

FAUZI, OTHMAN TERIMA KERETA PROTON PERDANA EKSEKUTIF (Dengan gambar)

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Fauzi Abdul Rahman dan Setiausaha Parlimen Datuk Othman Abdul hari ini menjadi dua anggota pentadbiran yang pertama di JPM menggunakan kereta nasional Proton sebagai kereta rasmi.

Kedua-dua mereka menerima kunci kereta masing-masing daripada Setiausaha Bahagian Pentadbiran dan Kewangan JPM Haji Houd Sirat pada satu majlis ringkas yang disaksikan Ketua Setiausaha Negera Tan Sri Abdul Halim Ali di sini.

Fauzi menerima kereta Proton Perdana Eksekutif berwarna "kiwi muda" dan Othman menerima kereta jenis standard itu yang berwarna "hijau jed."

Ketika bercakap kepada pemberita selepas itu, Fauzi dan Othman berkata mereka sangat gembira menerima Perdana Eksekutif itu yang selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan mengenai peruntukan kereta-kereta rasmi.

"Sebenarnya kami sendiri yang mengemukakan cadangan untuk menggunakan kereta ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Ogos dan mendapat persetujuan," kata Fauzi.

Fauzi, anggota Parlimen Kuantan yang sebelum ini menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, dan Othman, anggota Parlimen Pendang, dilantik ke jawatan masing-masing pada 16 Ogos.

Menurut Fauzi, antara sebab mereka membuat cadangan menggunakan kereta nasional ialah untuk membuktikan komitmen mereka membantu usaha kerajaan mengurangkan penggunaan barangan import bagi menyelamatkan tukaran wang asing dan menjadi contoh kepada rakyat menggalakkan penggunaan barangan tempatan.

"Kereta ini menggunakan antara 70 dan 80 peratus komponen buatan tempatan dan harganya pula tidak sampai separuh daripada harga kereta import yang boleh kami gunakan," katanya.

Beliau yang kemudiannya memandu uji kereta itu di sekitar JPM, berkata bentuk luaran dan kemasan dalaman Perdana Eksekutif itu sangat memuaskan hatinya.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik juga sebelum ini dilaporkan mahu menukar kereta Mercedes yang digunakan sebagai kereta rasminya kepada Proton Perdana bagi menyokong usaha kerajaan menjimatkan perbelanjaan. -- BERNAMA

MNY NMO